

31 MAY 2003

I

GERAKAN SYOR AHLI PARLIMEN KUASAI B. INGGERIS

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Wanita Gerakan telah mengesyorkan supaya satu pekeliling dikeluarkan kepada semua anggota Parlimen dan Dewan Undangan Negeri untuk menguasai bahasa Inggeris.

Sementara menyambut baik arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya jabatan dan agensi kerajaan mengadakan kursus bahasa Inggeris bagi kakitangan mereka, Ketua Wanita Gerakan Datuk Rhina Bar berkata dengan menguasai bahasa Inggeris, ahli politik akan menunjukkan kepimpinan melalui teladan.

Rhina berkata dalam satu kenyataan bahawa ia akan menguntungkan jika prosiding di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri diadakan dalam dwi bahasa dengan pengenalan bahasa Inggeris.

"Ini bukan bermaksud memperkecilkan Bahasa Malaysia yang akan terus kekal sebagai bahasa kebangsaan tetapi ia akan memaksa ahli-ahli politik untuk menguasai bahasa Inggeris untuk mengikuti prosiding yang mungkin dijalankan dalam bahasa Inggeris di masa depan," kata Rhina.

Dalam kenyataan itu, Wanita Gerakan juga menyeru supaya prosiding di mahkamah dibenarkan dalam bahasa Inggeris untuk membolehkan peguam-peguam muda menguasai bahasa itu yang sangat berguna dalam bidang perundangan.

-- BERNAMA

MAF RV PR